

SOP lemah NFCorp dapat tender

Kelemahan termasuk aspek beri arahan, kawalan dalaman Kementerian Kewangan

Oleh Hassan Omar,
Faiza Zainuddin
dan Haspaizi Mohd Zain
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Jawatan kuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati wujud kelemahan dalam prosedur operasi standard (SOP) pemberian kontrak kepada National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) bagi mengendalikan Pusat Fidlot Nasional (PFN).

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata kelemahan SOP oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung perkara itu begitu ketara dan perlu ditambah baik.

Kelemahan itu termasuk aspek memberi arahan dan kawalan da-

lamen Kementerian Kewangan kepada agensi yang tidak mantap.

“Didapati pegawai yang mewakili kementerian (Kewangan dan Pertanian dan Industri Asas Tani) dalam NFC tidak begitu mahir dalam tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah.

“Mungkin tahu (tanggungjawab) tapi tindakan-tindakan untuk pastikan sesuatu urusan berjalan dengan sepatutnya tidak dibuat,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir pegawai tertinggi kedua-dua kementerian itu serta wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Azmi yang juga Ahli Parlimen Padang Besar, berkata PAC dimaklumkan Kementerian Kewangan

sudah mengeluarkan SOP baru untuk dipatuhi pegawainya yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah mana-mana syarikat atau projek.

“Saya tidak tahu setakat mana ia akan ditingkatkan tapi kami berharap ia akan dipertingkatkan,” katanya.

Azmi berkata, PAC sudah memanggil wakil kedua-dua kementerian yang mempunyai kaitan langsung dengan projek berkenaan bagi mendapatkan penjelasan.

“NFC dasarnya baik untuk memenuhi keperluan bekalan daging dalam negara, tetapi yang menjadi masalah adalah SOP,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, PAC akan mengemukakan cadangan supaya SOP bagi setiap projek kerajaan ditambah baik bagi me-

mastikan ia dilaksanakan dengan sempurna.

Seorang lagi anggota PAC, Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) berkata antara SOP yang diberi perhatian dalam penilaian mesyuarat semalam adalah cara perjanjian projek ladang lembu itu dirunding dan dimeterai.

Selain itu, pengeluaran wang, pengawalseliaan laporan kemajuan, tugas pengarah syarikat yang kerajaan mempunyai kepentingan serta pengendalian akaun syarikat.

Azmi berkata PAC juga meminta kerjasama Jabatan Audit Negara untuk meneliti beberapa dokumen tertentu yang memerlukan penjelasan lanjut.

1Malaysia Development Berhad (1MDB) dijadual hadir mesyuarat hari ini.